

UPM perjelas masalah kolej kediaman, Anjung Putra

SAYA merujuk kepada pembaca menamakan dirinya 'Mahasiswa Desparado' (12 Jun lalu) yang menuduh Universiti Putra Malaysia (UPM) membiarkan siswa 'merempat' asal pintu gerbang cantik.

UPM berterima kasih atas komen Mahasiswa Desparado yang begitu prihatin mengenai projek pembangunan di kampus ini.

Sebenarnya UPM tidak membina pintu gerbang per se yang dikatakan mencecah RM1 juta.

Apa yang UPM bina adalah pos kawalan yang lengkap dengan pondok maklumat dikenali dengan nama Anjung Putra.

Oleh kerana kawasan itu adalah pintu masuk utama UPM, pembinaan itu perlu mengambil kira nilai estetika dan memudahkan pelanggan UPM berurus di situ.


Selain itu, kos pembinaan Anjung Putra merangkumi juga kos kerja menaikkan taraf jalan, laluan pejalan kaki dan penunggang basikal di kawasan berkenaan.

Mengenai dakwaan UPM membina trek jogging mencecah harga RM4 juta, saya ingin menyatakan jumlah itu bukan untuk trek jogging saja.

Joging trek itu juga adalah laluan pintas pejalan kaki dari Kolej Ke-13 ke zon akademik dan pentadbiran.

Sebenarnya ia termasuk kerja

SURAT & EMEL



Pengarang (Harian Pembaca)
Berita Harian Sdn Bhd

31 Jalan Riong ■ Faks: 03-22822425
59100 Kuala Lumpur ■ Emel: bhsurat@bharian.com.my

Hanya surat yang disertakan nama, alamat, nombor kad pegawai dan nombor telefon (jika ada) saja akan dilayan.

landskap, padang permainan, laluan basikal dan pembinaan wakaf-wakaf yang dilengkapi kemudahan untuk rangkaian internet kerana UPM memberikan tumpuan besar kepada kemudahan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

Usaha UPM ini terbukti apabila majalah *Management Information System* (keluaran September 2003) meletakkan UPM sebagai pengguna IT terbesar di Malaysia, keenam di kalangan sektor pendidikan di Asia dan ke-22 keseluruhan di Asia bagi 2003.

Pembinaan kemudahan itu termasuk Anjung Putra menggunakan sumber kewangan dalaman UPM yang dijana sendiri.

Jadi apa salahnya UPM membina kemudahan itu untuk keselesaan dan kebijakan pelajar kerana UPM percaya persekitaran yang kondusif

membantu proses pemindahan pembelajaran dengan lebih berkesan.

UPM juga tidak berniat untuk membiarkan pelajarnya merempat. Dari sudut kemudahan penginapan, UPM mempunyai 14 kolej kediaman yang berupaya menampung 16,000 pelajar.

Ini bermakna 73 peratus pelajar boleh menginap di kolej kediaman. UPM juga adalah IPTA pertama mempunyai kemudahan kolej kediaman berdasarkan konsep *build, operate and transfer* (BOT) iaitu Kolej Ke-12 dan Kolej Ke-14 yang boleh memuatkan 7,000 pelajar.

Mengikut rekod pada semester Mei 2003, sebanyak 234 kekosongan tempat di Kolej Ke-12 dan Kolej Ke-14, manakala pada Semester November 2003/2004 ada 1,050 kekosongan.

Malah 160 unit rumah pelajar

berkelamin dibina juga menggunakan sumber dalaman UPM.

Menyentuh isu pelajar terpaksa menyewa rumah di luar kampus, mengikut kajian Fakulti Ekologi Manusia pada pertengahan tahun lalu, pada umumnya pelajar memilih untuk tinggal di luar kampus kerana inginkan kebebasan.

Kajian itu juga mendapat lebih 60 peratus pelajar luar kampus berpuas hati dengan kemudahan perpustakaan diikuti tempat tinggal mereka, kesihatan, sukan, perkhidmatan makanan, dan pengangkutan.

UPM juga mengambil prakarsa untuk menggalakkan pelajar di luar kampus menggunakan kemudahan di kolej selaras sistem kolegiat ke-rana walau pun pelajar luar kampus, mereka tetap ahli kolej kediaman.

Jadi, UPM kurang pasti apakah motif Mahasiswa Desparado menukar komen sedemikian rupa dalam akbar.

Bagaimanapun, UPM menawarkan kolej kediaman kepada Mahasiswa Desparado, jika beliau benar-benar pelajar yang menghadapi masalah penginapan.

ROSDI WAH,
Timbalan Pendaftar
Pejabat Naib Canselor
bp Naib Canselor UPM.